

# Merbok & Jerai

## Sejarah yang Berbisik

Editor  
**Syazliyati Ibrahim**



Hakcipta terpelihara © 2018 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan nisip kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik,fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

Editor : Syazliyati Ibrahim  
Rekabentuk kulit buku : Asrol Hasan  
Susunatur : Asrol Hasan

**ISBN 9789670314396**

Cetakan oleh: Perpustakaan Sultan Badlishah  
Universiti Teknologi MARA Kedah,  
08400 Merbok,  
Kedah,  
Malaysia.

## **PENGHARGAAN**

Proses dokumentasi hasil penyelidikan yang dijalankan di sekitar Merbok dan Gunung Jerai ini tidak akan berjaya tanpa sokongan padu daripada pelbagai pihak sama ada individu ataupun institusi. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada:

- 1 Kerajaan Negeri Kedah Darulaman.
- 2 Dato'Tajul Urus Mat Zain, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Kedah
- 3 Rektor, UiTM Cawangan Kedah. Dr. Asmadi Mohammed Ghazali
- 4 Penduduk-penduduk Kampung Bujang, Kampung Segantang Garam, Kampung Kuala Segantang Garam, Semeling, Gunung Jerai, Kampung Bukit Acheh, Tanjung Dawai dan Kampung Acheh.

ISI KANDUNGAN

## **MERBOK DAN JERAI : SEJARAH YANG BERBISIK**

Muka Surat

Penghargaan	i	
Kata-kata aluan	iv	
Pengenalan	vii	
BAB 1	Islam di Kedah: Fajar Iman Nusantara <b>Ahmad Yumni Abu Bakar</b> <b>Maznah Wan Omar</b>	1
BAB 2	Tanjung Dawai : Antara Lautan dan Kehidupan <b>Maznah Wan Omar</b> <b>Mazlifa Md Daud</b> <b>Norhayati Ismail</b>	9
BAB 3	Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Disebalik Asal Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai <b>Syakirah Mohammed</b> <b>Syatirah Abu Bakar</b> <b>Sarah Sabir Ahmad</b> <b>Nur Irinah Mohd Sirat</b>	31
BAB 4	Ban Merbok : Cahaya di Dalam Kegelapan <b>Syazliyati Ibrahim</b> <b>Fathiyah Ahmad Jali</b> <b>Azfa hanee Zakaria</b> <b>Azni Syafena Andin Salamat</b> <b>Asrol Hasan</b>	42
BAB 5	Jejak Acheh di Yan : Singkapan Semangat dan Amanat <b>Nor Suhaiza Md Khalid</b> <b>Zarina Mohd Zain</b> <b>Suzei Mat Nurudin</b>	53
BAB 6	Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa <b>Azfa hanee Zakaria</b> <b>Asrol Hasan</b> <b>Syazliyati Ibrahim</b> <b>Azni Syafena Andin Salamat</b> <b>Fathiyah Ahmad Jali</b>	65
BAB 7	Rimbunan Hijau : Khazanah Herba Alam di Merbok <b>Azyyati Anuar</b> <b>Firdaus Abdul Rahman</b> <b>Suhardi Hamid</b>	75

BAB 8	Komuniti Cina di Merbok : Keringat Emas di Lembah Bertuah <i>Lee Chai Chuen</i> <i>Nor Azrina Mohd Yusof</i>	81
BAB 9	Gunung Jerai : Pasak Utuh Jelapang Padi <i>Fathiyah Ahmad Jali</i> <i>Azlan Abd Rahman</i> <i>Zaidi Yusoff</i> <i>Asmadi Mohammed Ghazali</i>	97
Kesimpulan		104
Senarai Penulis		106

## KATA – KATA ALUAN

**Sekapur Sireh**  
**YB. Dato' Haji Tajul Urus Haji Mat Zain**  
**Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan**  
**Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**



Menyingkap sejarah dan menyoroti peristiwa yang melingkari kehidupan sehari-hari sesebuah masyarakat itu merupakan sesuatu yang harus dilakukan oleh kita. Sejarah membawa diri kita ke satu dimensi lalu yang bukan sahaja memberi peringatan bahkan menjadi agen kesedaran dalam memacu masa hadapan. Penelitian kepada sejarah merupakan sesuatu yang penting terutamanya dalam keadaan masyarakat lebih tertumpu kepada aspek pembangunan masa hadapan sahaja.

Penerbitan Buku Sejarah Yang Berbisik merupakan satu inisiatif terbaik dalam memaparkan sejarah-sejarah negeri Kedah Darul Aman, terutamanya di kawasan Tanjung Dawai, Merbok dan Jerai, kepada khalayak pembacanya. Soroton sejarah yang dicanaikan secara santai dan bersahaja ini pastinya mampu menarik perhatian segenap kelompok pembaca dan pastinya juga mampu menarik minat golongan muda untuk menghayatinya.

Jutaan tahniah dan segunung penghargaan dirakamkan kepada Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik atas penerbitan makalah sejarah ini. Barisan penulis dan editor Sejarah Yang Berbisik telah, secara hebatnya, mempersembahkan corak penulis kreatif dan menarik untuk menjadikan naskah ilmu ini diterima ramai. Pastinya kerjasama antara Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah tidak akan terhenti di sini dan akan berlanjutan demi memastikan kelangsungan pembangunan medan ilmu di Negeri kedah akan berterusan.



**Seulas Pinang**  
**YBhg. Dr Asmadi Mohammed Ghazali**  
**Rektor**  
**UiTM Cawangan Kedah**

Sejarah dan kisah yang melatari sesebuah bangsa merupakan satu bidang ilmu pengetahuan yang harus diselidiki secara sistematik dan menyeluruh. Pengamatan nilai sejarah pastinya akan membantu kepada pengertian secara keseluruhan mengenai perkembangan kehidupan mahupun masyarakat dan nilai kemanusian di masa lampau yang boleh dijadikan panduan kepada perencanaan masa hadapan.

Inisiatif Barisan Penulis Buku dan Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik untuk menghasilkan sebuah naskah ilmu yang menghimpunkan pelbagai kisah sejarah, baik yang telah dikenali mahupun tidak, merupakan satu inisiatif terbaik dan murni dalam membantu kepada pemupukan nilai cintakan sejarah dan negara. Pastinya khalayak pembaca akan terpikat dengan corak penyampaian nilai sejarah secara santai seolah-olah sedang pembaca sebuah cerita pendek rakyat. Bahan bacaan ringan yang padat dengan nilai sejarah dan kekitaan. Tahniah diucapkan kepada semua.

Kerjasama dan dorongan daripada pihak Kerajaan Negeri Kedah terutamanya Jawatankuasa Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman pastinya akan mendorong kepada penghasilan lebih banyak makalah-makalah ilmu sejarah yang akan membantu kepada penghasilan komuniti masyarakat yang menyanjung nilai sejarah bangsa dan negaranya. Besar harapan agar kerjasama sebegini akan berterusan tanpa henti dan pastinya selepas ini akan lebih banyak medan ilmu dan sesi perkongsian pengetahuan akan terhasil.



### **Suatu Refleksi**

**PROF. DR. MAZNAH WAN OMAR**  
**Pengerusi**  
**SIG PICE (Special Interest Group – Public**  
**Interest Centre of Excellence)**  
**UiTM Cawangan Kedah**

Kedah merupakan sebuah negeri yang amat kaya dengan sejarah dan menyimpan pelbagai misteri. Asal-usul negeri ini telah bermula berabad lamanya dengan penemuan-penemuan arkeologi yang baharu yang telah membuktikan keutuhan dan kedaulatan negeri Kedah di persada sejarah. Daerah Merbok dan Gunung Jerai merupakan kawasan utama yang mempengaruhi susur galur kewujudan negeri Kedah. Sehingga kini, kawasan Merbok dan Gunung Jerai masih mempunyai tarikan yang tersendiri disebabkan penemuan penting khazanah sejarah dunia seperti candi-candi Lembah Bujang sehinggalah penemuan yang lebih terkini, iaitu penempatan penduduk dan aktiviti sosial mereka di Sungai Batu.

Memandangkan kedua-dua daerah ini sudah terkenal dengan sejarah yang disokong dengan bukti-bukti arkeologi, kehidupan masyarakat di kedua-dua kawasan tersebut sudah pastinya turut berubah mengikut peredaran zaman. Oleh yang demikian, kumpulan penyelidik UiTM Cawangan Kedah, iaitu SIG PICE (Special Interest Group – Public Interest Centre of Excellence) merasakan adalah penting untuk mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan masyarakat yang mungkin tidak dapat dibuktikan dari sudut arkeologi. Contoh-contoh aspek kehidupan tersebut seperti cerita asal-usul nama tempat, aktiviti permainan dan rekreasi serta individu-individu yang berjasa yang mungkin tidak dapat dikesan dengan hasil carigali arkeologi. Sehubungan itu, dengan bantuan Dana daripada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, kumpulan ini telah menjalankan penyelidikan dengan merekodkan sejarah lisan daripada penduduk sekitar Merbok dan Jerai untuk memastikan kesinambungan sejarah negeri ini tidak sahaja bergantung kepada bukti arkeologi.

Kisah-kisah yang dikutip daripada penduduk-penduduk kampung di daerah Merbok dan Gunung Jerai yang dibukukan di sini terdiri daripada kisah-kisah yang unik berdasarkan pengalaman hidup mereka seawal tahun 1900 sehingga sekarang. Pelbagai topik yang tersemat di hati penduduk kampung antaranya ialah Islam di Kedah, pembangunan Tanjung Dawai, kesan projek Ban Merbok, komuniti Cina di Semeling sehingga kepada simbol Gunung Jerai kepada rakyat Kedah telah digarapkan di dalam buku ini. Harapan para penyelidik supaya hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam bentuk bab dalam buku ini dapat membantu para pembaca mengetahui negeri Kedah amnya dan daerah Merbok dan Jerai khasnya dengan lebih dekat. Sejarah kehidupan penduduk yang dinukilkan ini diharapkan juga kekal menjadi rujukan dan sentiasa berbisik di hati pembaca, bukan lagi hanya berbisik di jiwa penduduk kampung yang akhirnya hilang ditelan kemodenan jika tidak direkodkan.

## PENGENALAN

Kompilasi kisah-kisah yang dikumpul daripada orang-orang kampung sekitar Merbok dan Jerai ini dimulakan dengan nukilan kisah *Islam di nusantara*. Negeri Kedah merupakan negeri di Nusantara yang menerima Islam lebih awal dari negeri Melaka (1414M), Terengganu (1303M) dan negeri-negeri yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Islam telah bertapak di negeri ini sekitar tahun 1136M bersamaan 531H. Tokoh yang bertanggungjawab dalam menyebarkan Islam dan mengislamkan Maharaja Kedah ialah seorang ulama yang berasal dari negeri Yaman. Teori kedatangan Islam ke Kedah menunjukkan bahawa Islam telah bertapak di Kedah lebih awal dari negeri-negeri lain di Malaysia. Demikian juga halnya jika berdasarkan kepada catatan ahli sejarah seperti bukti-bukti batu nisan yang telah ditemui, bukti kewujudan alim ulama dan institusi pondok yang dibangunkan dan sebagainya Bab ini juga membahaskan mengenai asal-usul nama Kedah, kerajaan yang memerintah Kedah, lokasinya, Gunung Jerai, tokoh pengasas kerajaan Kedah Tua dan tokoh ulama yang mengislamkan Maharaja Kedah dan rakyatnya serta pemerintahan putera-putera Sultan Muzaffar Shah I dengan lebih mendalam. Perbincangan terakhir diteruskan dengan topik kedatangan Islam ke Kedah lebih awal dari Melaka dan negeri-negeri semenanjung Tanah Melayu.

Seterusnya, bab *Tanjung Dawai – antara laut dan kehidupan*, mengupas keadaan kehidupan penduduk Tanjung Dawai dari segi kegiatan ekonomi dan infrastruktur yang ada untuk kegunaan penduduk tempatan dan pelancong. Tanjung Dawai merupakan satu kawasan muara sungai dengan kebanyakan penduduknya bekerja sebagai nelayan, peniaga, pengusaha makanan laut, dan pengeluar produk hasilan laut. Arked Tanjung Dawai dibina dengan tujuan untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan bermiaga hasilan laut yang diperoleh daripada lautan luas. Infrastruktur asas seperti sekolah, pengangkutan awam, masjid, dan persekitaran Tanjung Dawai juga turut dikupas secara ringkas.

Selain itu, kisah-kisah di sebalik nama-nama kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Kedah juga berjaya direkodkan hasil daripada temu ramah dengan penduduk kampung. Antaranya ialah *Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Di sebalik Asal-Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai*. Nama-nama kampung ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Nama sesuatu tempat kadangkala mempunyai konteks sejarah yang harus dipelihara. Nama sesuatu tempat juga boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah ditelan arus masa dan kemodenan. Hal ini juga boleh memberi gambaran kekayaan warisan, budaya, aktiviti ekonomi, dan identiti masyarakat terdahulu. Asal-usul nama-nama kampung di Merbok dan Bujang yang diperoleh daripada cerita-cerita lisan penduduk-penduduk kampung wajar dicatatkan sementara mereka yang mempunyai pengetahuan tentangnya masih hidup dan sebelum asal-usul tersebut dilupakan.

Kepayahan dan kesusahan hidup penduduk Kedah pada suatu masa dahulu juga direkodkan dalam bab *Ban Merbok: Cahaya di Dalam Kegelapan*. Pada zaman 1960-an, terdapat sebuah projek kerajaan negeri yang dinamakan Projek Ban Merbok. Dahulunya, projek ini dikenali sebagai Program Pamah Kerajaan. Projek ini telah dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Cawangan Kuala Muda, Kedah. Keistimewaan projek ini melibatkan tebus guna tanah di kawasan air masin yang merangkumi kawasan seluas 100 km persegi dan melibatkan 56 mukim. Antara kawasan yang terlibat ialah Merbok, Sungai Baru, dan Bujang. Kisah Ban Merbok dan Kampung Kuala Segantang Garam ini wajar direkodkan bukan hanya atas dasar sebuah projek tebus guna kerajaan. Perkara yang perlu dipelajari di sebalik kisah penerokaan projek Ban Merbok ini sebenarnya adalah tentang kehidupan insan yang dibelenggu kesusahan hidup dan kesanggupan mereka untuk bekerja keras menyahut seruan pihak kerajaan untuk membuka atau memugar satu kawasan hutan paya bakau yang penuh cabaran semata-mata untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik.

Seterusnya, semangat dan jati diri masyarakat Acheh turut dikupas dalam bab ***Jejak Acheh di Yan: Singkapan Semangat dan Amanat***. Kehidupan masyarakat Acheh di Yan, Kedah telah bermula semenjak tahun 1888 lagi. Ada di kalangan mereka yang telah melepas generasi keempat atau kelima yang menetap di Kampung Acheh. Namun, bagi sebilangan kecil masyarakat Acheh yang terdiri daripada generasi ketiga; mereka masih kekal dan kukuh dengan bahasa dan budaya Acheh walaupun telah berlaku assimilasi dengan masyarakat Melayu Kedah. Menelusuri sejarah kedatangan mereka ke Tanah Melayu, terdapat dua versi berbeza yang dapat dikaitkan dengan hal tersebut. Versi pertama merujuk kepada penghijrahan mereka ke daerah Yan pada sekitar kurun ke-18. Versi kedua pula menceritakan sebahagian orang Acheh yang turut sama berhijrah telah mendarat di Langkawi. Masyarakat Acheh sangat kuat berpegang teguh kepada ajaran Islam sehingga mereka membina sebuah sekolah agama seusai kedatangan mereka di Yan. Masyarakat Acheh juga mewarisi keunikan budaya mereka tersendiri, di samping turut aktif bekerjasama mewujudkan gerakan perniagaan bagi mengukuhkan ekonomi mereka. Pelbagai aktiviti telah direncanakan oleh masyarakat Acheh di Yan antaranya penerbitan buletin yang dikenali dengan nama Narit Geutanyo, penulisan kamus Bahasa Acheh-Bahasa Malaysia-Bahasa Acheh, dan pembinaan galeri.

Hasil temu teramah seterusnya direkod dalam bab ***Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa***. Antara aktiviti masa lapang yang digemari oleh segenap lapisan masyarakat terutama pada zaman sebelum alaf baharu ialah permainan berkumpulan. Permainan berkumpulan yang popular terutama di kalangan kanak-kanak lebih bersifat tradisional kerana turut digemari oleh kanak-kanak pada zaman dahulu. Di Merbok, terdapat beberapa permainan yang amat popular pada zaman 1950-an tetapi sayangnya hampir tidak dikenali oleh generasi pada zaman ini kerana pengaruh perkembangan teknologi terutamanya permainan berteknologi. Oleh itu, langkah untuk mendokumentasikan pelbagai jenis permainan tradisional yang semakin pupus ditelan zaman ini dirasakan amat penting supaya generasi masa hadapan dapat mengenali warisan yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Antara permainan tradisional yang dimainkan oleh penduduk kawasan Merbok ialah permainan sole, permainan tuju ayam, permainan poroq, dan permainan kawaq.

Bab ***Rimbunan hijau: khazanah herba alam di Merbok*** pula merekodkan maklumat tentang tumbuh-tumbuhan yang meliar di sekitar Merbok tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat kampung. Merbok merupakan kawasan yang terdiri daripada pelbagai bentuk muka bumi seperti kawasan tanah pamah, sawah padi, dusun dan kebun getah, paya bakau, rimba belantara dan kaya dengan pelbagai pokok dan tumbuh-tumbuhan. Bagi menelusuri dengan lebih dekat pokok dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekitar Merbok, temu bual bersama dengan penduduk tempatan dijalankan bagi mendapat gambaran yang sebenar tentang keunikan sejarah, fungsi, dan khasiat di sebalik nama-nama pokok yang tidak pernah dirungkai sebelum ini.

Bab ***Komuniti Cina di Merbok: Keringat emas di lembah bertuah*** pula merupakan sebuah kisah sejarah kedatangan orang Cina ke Pekan Merbok, Kedah. Kesusahan hidup, terpaksa meninggalkan anak isteri di negara sendiri, dan bersendirian di lembah bertuah mengajar kaum Cina yang datang berhijrah ke Tanah Melayu untuk lebih berusaha dan cekal bagi memastikan generasi seterusnya dapat hidup dengan lebih selesa pada masa hadapan. Berpandukan kepada prinsip, ‘biar miskin kehidupan, jangan miskin pendidikan’, pembukaan sekolah pendidikan Cina di Tanah Melayu membuktikan kaum Cina mementingkan pendidikan agar generasi mereka di Tanah Melayu masih dapat mempelajari dan mewarisi kebudayaan serta asal-usul nenek moyang mereka. Kelahiran seorang tokoh pendidikan Cina di Pekan Merbok telah menjadikan lembah bertuah ini terkenal di kalangan masyarakat Cina seluruh Malaysia. Jasa dan sumbangan mendiang Dato’ Lee Sing Chooi dalam bidang pendidikan Cina menjadikan beliau seorang tokoh pendidikan yang disanjungi di kalangan penduduk Cina di Pekan Merbok ini.

Akhir sekali, bab ***Gunung Jerai: Pasak Utuh Jelapang Padi*** merekodkan keunggulan simbol Gunung Jerai kepada penduduk Kedah khususnya yang tinggal di sekitar kaki gunung tersebut. Puncak tertinggi di negeri Jelapang Padi ini yang berdiri teguh pada ketinggian 1,217 meter dari paras laut merupakan salah sebuah pelabuhan entrepot yang gemilang satu masa dahulu. Perbincangan bakal berkisar kepada tiga domain utama, iaitu sumbangan Gunung Jerai kepada nilai ekonomi, hidup dan alam sekitar serta signifikan kewujudannya kepada masyarakat sekitar, khususnya dan seluruh warga Kedah, amnya.

# JEJAK ACHEH DI YAN: SINGKAPAN SEMANGAT DAN AMANAT

Azni Syafena Andin Salamat

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
Universiti Teknologi MARA Kedah  
azni\_syafena@kedah.uitm.edu.my

Syazliyati Ibrahim

Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA Kedah  
syazliyati@kedah.uitm.edu.my

Prof Dr. Maznah Wan Omar

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
maznah199@kedah.uitm.edu.my

## MASYARAKAT ACHEH DI YAN, KEDAH

Daerah Yan, boleh dianggap sebagai kawasan luar bandar dan berada jauh dari Bandaraya Alor Setar. Meskipun begitu, pembangunan pendidikan dan sektor ekonominya tidak boleh dipandang enteng kerana ramai tokoh profesional dan korporat lahir dari daerah ini. Daerah Yan tidak dapat dipisahkan dengan kehadiran masyarakat Acheh yang telah bertapak semenjak penghujung abad ke-19 lagi.



Gambar 5.1: Peta daerah Yan



Menyingkap kehidupan masyarakat Aceh di Yan, Kedah yang bermula semenjak tahun 1888 lagi, ada di kalangan mereka yang telah melepas generasi keempat atau kelima menetap di Kampung Aceh. Malahan mereka kini telah menjadi warganegara Malaysia. Namun, bagi sebilangan kecil masyarakat Aceh yang terdiri daripada generasi ketiga, mereka masih kekal dan kukuh dengan bahasa dan budaya Aceh walaupun telah berlaku asimilasi dengan masyarakat Melayu Kedah. Generasi ini rata-rata masih mengekalkan jati diri mereka. Amanat nenek moyang terdahulu masih terpahat kukuh dalam ingatan masing-masing agar jati diri, agama dan budi yang ditabur hari ini diteruskan untuk kelangsungan generasi mendatang.

Masyarakat Aceh begitu terkenal dengan sejarah pegangan agama yang kuat dan sekaligus meningkatkan perkembangan dakwah di daerah ini. Malah, penghijrahan mereka pada awalnya ke negara ini bukan sekadar mahu menjadi perantau tetapi mempunyai matlamat untuk mempertahankan tanah air mereka. Amat tepat sekali jika dikatakan masyarakat Aceh ialah sebuah masyarakat yang kental dalam mempertahankan hak mereka. Ada ketikanya masyarakat Aceh ini begitu lembut dan mudah didekati tetapi ada ketikanya pula mereka tampil tegas menafikan rampasan terhadap hak mereka.

## KEDATANGAN KAUM ACHEH KE KEDAH

Menelusuri sejarah kedatangan mereka ke Tanah Melayu dapat dikaitkan dengan dua versi yang berbeza. Versi pertama merujuk kepada penghijrahan mereka ke daerah Yan pada sekitar kurun ke-18. Penghijrahan ini melibatkan golongan ulama serta pendakwah yang mencari tapak untuk mendapatkan dana bagi meneruskan perjuangan menentang Belanda di wilayah Aceh, Indonesia. Keputusan untuk berhijrah terpaksa dibuat kerana pada ketika itu Belanda telah berjaya menakluk Indonesia dan Aceh yang pada awalnya merupakan wilayah yang begitu sukar untuk ditakluk dan akhirnya menjadi wilayah terakhir ditakluki penjajah. Tentangan demi tentangan dibuat oleh puak pejuang, bangsawan dan ulama untuk mengusir golongan penjajah dalam mempertahankan tanah air mereka. Dalam keadaan huru-hara, mereka berhijrah dengan menaiki perahu dan layar untuk ke tengah lautan. Sepanjang tempoh pelayaran tersebut mereka menjadikan Gunung Jerai dan sungai di Yan sebagai mercu tanda. Bagi mereka dengan adanya dua petunjuk ini maka adanya daratan untuk mereka mendarat dan sekaligus membina perkampungan. Setibanya di sana, mereka telah diterima untuk mengadap Sultan Kedah memandangkan baginda sultan menjalinkan hubungan baik dengan wilayah Aceh. Dikatakan hubungan baik ini telah membawa kepada pembinaan Masjid Zahir di Alor Setar yang dibina menyamai Masjid Batturrahman di Aceh. Rentetan dari pada itu, sultan sendiri memperkenankan sebuah perkampungan masyarakat Aceh yang dibina di Pantai Murni yang merupakan kaki Gunung Jerai. Bermulalah kehidupan mereka apabila mereka telah membina perkampungan, rumah dan surau. Sebanyak empat buah surau telah dibina sendiri dan usaha ini menggambarkan betapa ramainya orang Aceh ketika itu yang melarikan diri daripada genggaman penjajah. Dikatakan juga orang Aceh paling ramai berhijrah ke Yan pada tahun 1888-1915.

Versi kedua pula menceritakan bahawa sebahagian orang Aceh yang turut sama berhijrah telah mendarat di Langkawi. Dikatakan kumpulan ini menyangka Langkawi itu merupakan sebuah kawasan daratan namun tekaan mereka meleset kerana Langkawi sebenarnya adalah sebuah pulau. Asal perkataan Langkawi juga turut dikaitkan dengan Bahasa Aceh, iaitu ‘tanya nyo kah langkawi’ yang memberi makna ‘kita semua ni dah melangkah kiri’. Kedua-dua versi ini mempunyai fakta yang tersendiri namun jika dilihat kepada tinggalan yang wujud seperti pondok dan perkuburan, jelas menunjukkan golongan ulama dan pendakwah memonopoli perkampungan Aceh di Yan. Bermula dari Merbok, mereka bergerak ke Ruat sebelum akhirnya berkampung di Yan.

Gambar 5.2: Keratan akhbar yang melaporkan penghijrahan warga Aceh ke Kedah seperti yang dipamerkan di KAMC

16 April 2012 **KENCANA** N9

## Orang Aceh paling ramai ke Yan antara 1888 hingga 1915

**D**AERAH Yan adalah satu daripada 11 daerah yang terdapat di negeri Kedah. Daerah terkecil berbanding dengan lain itu dengan keluasan hanya sekitar 152 kilometer persegi itu berada 40 kilometer dari Bandar Raya Alor Setar dan disempadani Kota Setar di utara, Pendang di timur dan Kuala Muda di selatan. Di sisi baratnya pula, terbentang Selat Melaka yang memisahkan Malaysia dan Indonesia.

Di daerah ini terdapat perkampungan utama masyarakat Aceh di negara ini taitu di Kampung Aceh. Sebenarnya, ada dua kampung Aceh sebelumnya yang terpisah dengan Gunung Jerai iaitu Kampung Merbok di bahagian timur dan Kampung Ruat di barat berdekatan laut.

Orang Aceh di Merbok berkampung di pinggir sungai jalan menuju ke bukit yang dikenali sebagai Bukit Aceh di bekakang balai polis. Pemimpin musafir ketika itu ialah Tengku Po Cut Aji Po Bale dan Cut Leh Cut Usuf. Tengku Po Cut Aji adalah seorang ulama serta hartawan dan mempunyai seorang anak gadis iaitu Nyak Aishah yang kemudian dinikahkan dengan Tengku Madhah (Tengku di Yan), kemudian terkenal dengan dengan nama Ma Cut Da Abu Madhah.

Kumpulan orang Aceh yang mendarati Sungai Ruat pula dipimpin bersama Peutua Lah (Cut Abdullah Cut Yusof), serta Tengku Muhamad Daud Imam. Peutua Lah juga seorang hartawan yang mempunyai banyak emas. Di kampung Ruat, beliau sangat terkenal serta memiliki tanah yang luas serta mempunyai ramai pekerja.

Anak ialah Syamaon dan Nyak Fatimah. Syamaon ialah anak lelaki (dalam bahasa Aceh) atau ‘agam’. Akhirnya beliau dikenali sebagai ‘Nyak Gam’, seorang pendakwah tersohor juga di kampung Aceh dan mempunyai kubur keturunannya di Ruat.

Tengku Muhamad Daud Imam ialah seorang ulama yang alim. Beliau mengajar agama di Masjid lama Kampung Ruat yang terletak dalam kawasan tanah perkuburan ketika ini di Ruat. Sebagai penghormatan, tapak itu ditanda dengan jeitiang dan dilarang mengembalikan jeitanah di atasnya.

Sedikit mitos mengenai Kampung Ruat ialah sebelum kedatangan Islam ke Kedah, dikatakan penduduknya beragama Buddha. Terdapat beberapa tempat di

Arus kedatangan orang Aceh ke Yan pula paling ramai berlaku antara 1888 hingga 1915. Mereka ini terbahagi kepada beberapa kumpulan. Satu bahagian ke Bukit Aceh Merbok dan tinggal bertebaran sehingga ke Singke (Singkir) sehingga sekitar 1960 di mana masih ada orang Aceh menetap di sana

bangunkan dengan uwat atau wat (seperti kuil yakni rumah ibadat dan belajar agama Buddha). Tetapi, bekas bangunan wat itu sudah terhakis di sekitar Bukit Belida yang konominya dipimpin Tok Yan.

Pada masa pribumi sudah meninggalkan Buddha, orang tidak lagi menyebut wat atau uwat dan diganti dengan Ruat (Kampung Ruat). Di Kedah ada beberapa tempat atau pekannya mempunyai nama asal Siam seperti Cangion (Changium), Na Kha (Naka), Kodeng (Kodiang) dan Beladong (Bedong).

Arus kedatangan orang Aceh ke Yan pula paling ramai berlaku antara 1888 hingga 1915. Mereka ini terbahagi kepada beberapa kumpulan. Satu bahagian ke Bukit Aceh Merbok dan tinggal bertebaran sehingga ke Singke (Singkir) sehingga sekitar 1960 di mana masih ada orang Aceh menetap di sana.

Kini tidak ramai lagi orang Aceh berada di Merbok atau di Ruat kerana perpindahan lebih banyak tertumpu di Yan Besar. Malah, kini dikatakan agak sukar untuk bertemu masyarakat itu di dua perkampungan itu. Malah, di Kampung Aceh sendiri, amat sukar bertemu mereka, jika ada pun golongan sudah tua.

Malah, selepas Maktab Mahmud membuka cawangan di situ, tidak ramai lagi anak muda kekal di situ dan kebanyakannya keluar membina kehidupan lebih selesa. Paling ramai di kampung itu kini ialah kelbat pelajar belasan tahun yang belajar dan memenuhi asrama Maktab Mahmud, antara sekolah agama tertua di Kedah.

**“Terdapat dua versi berbeza yang menceritakan kedatangan masyarakat Aceh di Yan, Kedah.”**

## MASYARAKAT ACHEH DAN ISLAM

Konsep dakwah dan Islam yang menjadi jati diri orang Aceh telah memudahkan mereka untuk diterima oleh masyarakat tempatan. Dengan itu, mereka telah mula membina sebuah sekolah yang menawarkan pengajian Islam, iaitu Sekolah Agama Attarbiah Addinniah Al Auladiah Kampung Aceh. Sekolah ini hanya dibina menggunakan kayu dan dipacak dengan tiang bulat. Guru-gurunya pula terdiri daripada orang Aceh sendiri dan Bahasa Arab telah digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah tersebut. Antara tenaga pengajarnya ialah Ustaz Yassin bin Alim. Perbelanjaan untuk sekolah ini dibiayai oleh orang Aceh menerusi hasil getah, sawah padi dan dusun. Namun demikian, mereka memahami bahawa tidak selamanya pembiayaan sekolah ini hanya dapat ditampung menerusi hasil kewangan yang terhad tambahan pula dengan adanya pertambahan pelajar.

Justeru mereka telah mengadakan ‘duk pakat’ (mesyuarat), iaitu mencari kaedah untuk menjana pendapatan. Maka projek ‘segenggam beras’ diperkenalkan dan telah memberikan impak kepada pembangunan ekonomi kepada masyarakat Aceh. Kaum ibu telah berperanan besar untuk menjayakan projek ini. Hal ini kerana sebelum nasi dimasak, kelazimannya pada waktu pagi dan malam kaum ibu akan mengambil segenggam beras untuk dimasukkan ke dalam bekas yang berasingan. Perkara ini dijadikan rutin dalam sehari untuk satu-satu minggu bagi setiap isi rumah. Apabila tiba hari yang ditetapkan akan ada jawatankuasa yang dilantik untuk pergi dari sebuah rumah ke sebuah rumah untuk mengambil beras tersebut. Setelah dikumpulkan beras ini akan dijual. Wang yang diperoleh digunakan untuk menampung perbelanjaan sekolah agama. Dalam pada itu, semangat orang Aceh untuk berdakwah dan berjuang ke jalan Allah begitu menebal. Ramai di kalangan mereka yang menyumbangkan tanah untuk diwakafkan dan diusahakan untuk pembangunan sekolah. Malah ada juga yang membuat keputusan untuk memberikan hasil getah yang diterima untuk satu-satu hari dalam sebulan ke sekolah agama. Selain itu, ada juga di kalangan orang Aceh ini yang membuka ladang lada, buah pala dan cengklik sebagai tanaman tradisi bagi meneruskan kelangsungan hidup.



Gambar 5.3: Generasi kedua penduduk Kampung Aceh yang dipamerkan di KAMC

Ketika berperang dengan Belanda, orang Aceh di Yan juga tidak mahu ketinggalan untuk membantu perjuangan dengan mewujudkan pakatan ‘dalaie’ yang bertujuan untuk mengumpul dana untuk dihantar ke Aceh bagi menentang Belanda. ‘Dalaie’ hampir menyerupai aktiviti marhaban di kalangan masyarakat Melayu. Selepas solat Isyak, kumpulan ‘dalaie’ ini akan menyanyikan lagu yang berbentuk qasidah dari rumah ke rumah. Antara terjemahannya ialah ‘Wahai kaum Muslimin, bukalah tempat simpanan duit, sumbanglah apa yang termampu dan bila terkumpul menjadi bukit yang besar untuk kebaikan anak cucu kita’.

Selepas era kemerdekaan, keadaan menjadi agak sukar untuk mengembalikan kegemilangan sekolah agama memandangkan silibus di sekolah ini hanya menumpukan kepada Bahasa Arab dan pengajian agama. Pada ketika itu, telah wujud sekolah kebangsaan dan sekolah aliran Inggeris. Walaupun terdapat kepelbagaian dari segi aliran pendidikan, namun tidak semudah itu untuk menarik minat orang Aceh untuk belajar di sekolah aliran Inggeris. Pada sekitar tahun 1960-an, sekolah agama ini tidak lagi mendapat sambutan daripada anak-anak orang Aceh memandangkan ada di kalangan mereka yang telah berhijrah keluar dan menetap di lokasi baharu. Ada sebahagian daripada mereka yang menjadi peneroka Felda. Justeru, sekolah ini telah dicadangkan untuk dijadikan sebagai cawangan Maktab Mahmud. Cadangan ini telah memberikan impak yang positif kepada sekolah tersebut memandangkan cawangan Maktab Mahmud yang terletak di Yan ini telah menjadi pencetus kepada penubuhan cawangan-cawangan lain di setiap daerah di seluruh negeri Kedah.

***“ Kaum ibu telah memainkan peranan utama dalam menjayakan projek ‘segenggam beras’ sehingga memberikan impak kepada pembangunan ekonomi masyarakat Acheh.”***



Gambar 5.4: Maktab Mahmud Cawangan Yan yang menggunakan tapak asal Sekolah Agama Attarbiah Addinniah Al Auladiah



Gambar 5.5: Bangunan tambahan Maktab Mahmud Cawangan Yan yang terletak bersebelahan dengan tapak asal

## KEUNIKAN BUDAYA ACHEH

Masyarakat Aceh ini juga disifatkan mempunyai budaya yang unik. Misalannya, jika sebuah keluarga itu mempunyai anak lelaki yang masih bujang, mereka akan jarang berada di rumah dan lebih mengutamakan untuk tidur di surau (dayah) atau pondok. Mereka akan pulang ke rumah pada waktu makan sahaja dan yang selebihnya akan berada di surau untuk mendalami ilmu agama. Hal ini bukan disebabkan oleh jarak pondok yang jauh dari rumah kerana secara fizikalnya perkampungan orang Aceh ini tidaklah sesebesar mana. Namun perkara ini telah menjadi rutin orang Aceh. Oleh kerana itulah, banyak surau telah didirikan di dalam perkampungan Aceh dan setiap surau akan dikelilingi oleh pondok. Boleh dikatakan setiap lorong di perkampungan ini akan terdapat sebuah surau.

Anak-anak perempuan pula akan berada di rumah dan mereka ini akan diberi pendedahan untuk ilmu rumahtangga. Walaupun cara hidup wanita Aceh tidak banyak berbeza dengan wanita Melayu, namun masih terdapat kelainannya. Wanita Aceh dikatakan terlalu kuat dengan pegangan agama sehingga sukar untuk menemui mereka di luar rumah. Tidak seperti masyarakat lain, sekiranya pada suatu ketika dahulu suami akan ke kebun maka si isteri akan turut serta. Namun wanita Aceh hanya akan tinggal di rumah untuk menguruskan hal ehwal rumah tangga. Meskipun, masa banyak diluangkan di rumah tetapi mereka tetap juga keluar ke surau untuk mendalami pengajian agama. Justeru, dikatakan wanita Aceh telah memiliki kemahiran memasak semenjak kecil lagi. Belimbing buluh adalah lambang keunikan masakan orang Aceh. Buah ini merupakan bahan utama yang digunakan dalam masakan masyarakat Aceh. Oleh kerana pokok belimbing ini berbuah mengikut musim, maka ketika bukan musim berbuah masyarakat Aceh menjadikan buah itu kering dan dicampur dengan garam supaya tahan lama dan boleh digunakan setiap masa apabila diperlukan. Buah yang kering ini dikenali dengan nama asam sunti.

Selain itu, anak-anak masyarakat Aceh sedari kecil telah didendangkan dengan lagu ‘berendoi’. Lagu yang berunsur nasihat ini akan didendangkan oleh si ibu ketika mahu menidurkan anak masing-masing dan menjadi halwa telinga buat mereka. Intipati lagu yang didendangkan berupa nasihat agar anak-anak kecil ini berpegang kuat kepada agama apabila dewasa kelak. Anak-anak ini akan ditidurkan dengan ungkapan yang mulia walaupun pada usia sebeginu mereka belum pandai bercakap malupun cukup besar untuk berfikir. Kalimah-kalimah yang baik dibacakan atau dinyanyikan kepada anak-anak yang menganut dengan harapan supaya kalimah ini terserap masuk dan sebatи dalam diri mereka sebagai cahaya yang dapat menerangi fikirannya, hatinya dan segala anggota tubuh badannya. Sehingga apabila bangun daripada tidur, dia akan menjadi seorang anak yang lebih ‘baharu’ dan lebih baik daripada sebelumnya.

Dari aspek keunikan bahasa pula, masyarakat Aceh di Yan bertutur dalam bahasa Aceh lenggok Malaysia. Tatkala masyarakat Aceh di sini pulang menziarahi ‘tanah tumpah darah’ mereka, mereka akan menyedari perbezaan lenggok bahasa Aceh di Aceh sendiri.

***“ Pakatan ‘Dalaie’ merupakan satu aktiviti seakan marhaban telah diwujudkan bagi mengumpul dana untuk dihantar ke Aceh dalam usaha menentang penjajahan Belanda.”***



Gambar 5.6: Manuskrip asal tulisan Jawi penubuhan SABENA

## SABENA, IMAM, DAN KAMC

Masyarakat Aceh di Yan turut bernaung dan membuat gerakan perniagaan bagi manfaat masyarakat mereka menerusi penubuhan sebuah koperasi yang diberi nama Syarikat Kerjasama Sekolah Agama Attarbiah Addinniah Al Auladiah Kampung Aceh (SABENA), Persatuan Ikatan Masyarakat Aceh Malaysia (IMAM) dan Kampung Aceh Management Centre (KAMC). Ternyata tiga teras ini saling berkaitan untuk memacu ekonomi masyarakat Aceh di Yan.

SABENA ditubuhkan oleh masyarakat Aceh di Yan dengan matlamat utama untuk menguruskan tanah-tanah wakaf. Koperasi ini juga merupakan antara koperasi yang tertua di Malaysia. Imam di Masjid Batturrahman yang merupakan anak kepada Teuku Mohd Dahan merupakan individu yang terawal mengasaskan penubuhan koperasi ini. Teuku Mohd Dahan merupakan seorang tokoh agama yang disegani, merupakan hafiz pertama di Malaysia dan beliau sendiri telah mewakafkan tanahnya untuk pembangunan KAMC (Kampung Aceh Management Centre). Malah beliau juga pernah ditawarkan untuk menjadi imam di Masjid Zahir.

Penubuhan SABENA menjadi bukti komitmen orang Aceh yang begitu teguh untuk melonjakkan kemajuan ekonomi masyarakat mereka. Matlamat utama penubuhan SABENA adalah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi ahli mengikut prinsip koperasi dan menjalankan aktiviti perkhidmatan seperti jual beli, sewaan, pajakan, pemborongan, usaha sama, pelaburan dan pelbagai lagi. Selain saham individu daripada masyarakat Aceh sendiri, SABENA juga aktif dalam bidang pelaburan.

IMAM pula merupakan sebuah persatuan yang dipimpin Tan Sri Sanusi Junid yang merupakan Menteri Besar Kedah ke-7. Penubuhan persatuan ini telah melonjakkan taraf hidup masyarakat Aceh di Yan sehingga mereka mampu untuk membantu orang Aceh di Indonesia ketika wilayah mereka dilanda tsunami pada tahun 2004. Ternyata begitu banyak sekali pembabitan IMAM dalam meningkatkan kualiti ekonomi mereka termasuklah menjaga kebaikan masyarakat mereka sendiri. Menerusi persatuan ini, hubungan antara sesama masyarakat Aceh sangatlah erat, kental dan kukuh. Mereka amat menjaga perpaduan dan tali ukhwah sesama mereka. Terjalannya ikatan ukhwah adalah menerusi pertemuan yang terhasil daripada pelbagai aktiviti yang dianjurkan seperti majlis perkahwinan, program-program keagamaan, dan aktiviti-aktiviti sosial yang lain.

Kerjasama yang terjalin antara SABENA dan IMAM telah memungkinkan pula penubuhan KAMC. Tertubuhnya KAMC adalah selepas tragedi tsunami di wilayah Aceh pada 26 Disember 2004. Masyarakat Aceh di Yan terasa sayu dengan nasib yang menimpa waris mereka. Anak-anak pula kehilangan ibu dan ayah. Maka Cikgu Abdul Rahman bin Yasin dan Tan Sri Sanusi Junid telah mengambil keputusan untuk membawa anak-anak yatim piatu tersebut ke Malaysia untuk ditempatkan di KAMC. Tanah ini asalnya dimiliki oleh Teuku Mohd Dahan dan beliau telah mewakafkannya kepada pihak KAMC. Pihak pengurusan KAMC telah memainkan peranan untuk membina penempatan buat anak-anak tersebut. Penempatan ini dapat disiapkan sepenuhnya pada Mei/Jun 2006. Namun demikian, kerajaan Indonesia tidak membenarkan anak-anak tersebut dibawa ke Malaysia kerana adanya beberapa kekangan. Dengan itu, haluan KAMC telah ditukar untuk dijadikan sebagai sebuah inap desa dan pada masa yang sama dibina lebih banyak kemudahan sebagai sebuah kem. KAMC menyediakan kemudahan kem motivasi dengan menawarkan kos yang berpatutan bagi menjana pendapatan. Golongan sasar terdiri daripada pelajar sekolah, institut pengajian tinggi serta agensi kerajaan mahupun swasta. Pada awal penubuhan KAMC, ahli-ahli koperasi yang terdiri dari pada masyarakat Aceh setempat telah memberikan sumbangan dana. Namun jumlahnya telah dihadkan kepada RM5000.00 bagi setiap orang ahli. Pihak pengurusan telah berjaya mengumpul hampir RM300,000.00 daripada 63 orang penyumbang. Apabila genap setahun, penubuhan KAMC telah memberi keuntungan sebanyak 20 peratus (%) dan telah diberikan kepada penyumbang dana dan kini aset KAMC telah mencapai RM1 juta.



Gambar 5.7: Jalan masuk ke Kampung Aceh Management Centre (KAMC)



Gambar 5.8: Kampung Aceh Management Centre (KAMC) yang menawarkan kemudahan kem motivasi

*“ Buah belimbing buluh merupakan bahan utama yang digunakan dalam masakan masyarakat Aceh dan buah ini apabila dikeringkan akan dikenali dengan nama asam sunti.”*



Gambar 5.9: Antara perkhidmatan lain yang turut ditawarkan di KAMC




Gambar 5.10: Pemandangan indah di KAMC

## AKTIVITI

### NARIT GEUTANYO

Masyarakat Acheh di Yan turut mempunyai buletin mereka yang tersendiri. Buletin ini menjadi wadah untuk menyampaikan informasi berkaitan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. IMAM merupakan persatuan yang diberi amanah untuk menerbitkan buletin ini. Buletin ini diterbitkan sebagai satu wadah komunikasi yang bertujuan untuk mengingatkan anak-anak generasi baharu supaya tidak melupakan asal-usul dan identiti mereka sebagai keturunan Acheh. Menariknya tajuk buletin ini menggunakan Bahasa Acheh dan dikenali dengan nama ‘Narit Geutanyo’ (percakapan kita). Antara ruangan yang menjadi tarikan buletin ini ialah ruangan Belajar Bahasa Acheh, Festival Adat Acheh, Petua Tok Neneh dan Adat Acheh. Sidang redaksi dan penulis artikel buletin adalah para penggerak SABENA, IMAM dan KAMC sendiri. Walau bagaimanapun, sumbangan idea dan artikel dari masyarakat berketurunan Acheh dari seluruh Malaysia turut dialu-alukan. Buletin ini diterbitkan sekali dalam tempoh masa dua bulan dan turut memaparkan perkembangan masyarakat Acheh sama ada di Malaysia maupun di wilayah Acheh, Indonesia.



Gambar 5.11: Buletin Narit Geutanyo



Gambar 5.12: Pelbagai keratan akhbar dan juga jilid laporan serta kajian tentang masyarakat Acheh yang disimpan di KAMC

**“ Masyarakat Acheh di Yan turut bernaung dan membuat gerakan perniagaan bagi manfaat masyarakat mereka melalui penubuhan sebuah koperasi yang diberi nama Syarikat Kerjasama Sekolah Agama Attarbiah Addin-niah Al Auladiah Kampung Acheh (SABENA), Persatuan Ikatan Masyarakat Acheh Malaysia (IMAM) dan Kampung Acheh Management Centre (KAMC).”**

## KAMUS

Pihak pengurusan KAMC juga kini sedang giat menulis Kamus Bahasa Aceh-Bahasa Malaysia-Bahasa Aceh untuk rujukan generasi muda Aceh di Yan. Usaha ini dipelopori oleh Cikgu Md Illias bin Nyak Saad, Cikgu Abdul Rahman bin Yasin dan Drs Yusof Urip. Kamus ini dapat membantu meningkatkan penggunaan kosa kata, menguasai bahasa dengan lebih baik di samping menarik minat mereka untuk mempelajari bahasa Aceh.

## GALERI

Kerajaan Negeri Kedah telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM80,000.00 kepada pihak pengurusan KAMC untuk membina sebuah galeri. Tujuan pembinaan galeri ini adalah untuk memamerkan sejarah masyarakat Aceh. Hal ini demikian kerana sejarah dianggap antara elemen penting dalam kehidupan masyarakat Aceh di Yan. Bagi generasi lama Aceh, sejarah perlu sentiasa difahami dan diingati kerana sejarah itu sendiri berlangsung dalam bentuk peristiwa dan bahan peninggalan nenek moyang mereka. Nilai sejarah bagi masyarakat Aceh mempunyai signifikannya yang tersendiri kerana mereka perlu sentiasa mengingati dan mengenang kejadian yang telah berlalu. Lantaran itu, pembinaan galeri ini adalah amat bertepatan sekali. Kini, pihak yang terlibat sedang dalam proses mendapatkan bahan-bahan pengisian yang bersesuaian untuk dipamerkan di galeri tersebut.

## KESIMPULAN

Masyarakat Aceh di Yan begitu gigih memelihara identiti keturunan mereka. Mereka bangga menjadi orang Aceh, masih fasih berbicara dalam bahasa Aceh, masih mengekalkan tradisi makanan Aceh dan tetap mengekalkan jati diri orang Aceh yang amanah, berani, rajin, berdisiplin dan setia. Malah mereka sentiasa melestarikan budaya Aceh. Prinsip ini amat sesuai untuk ditegakkan oleh masyarakat atau kaum-kaum lain di Malaysia memandangkan nilai keutuhan jati diri ini akan dapat membantu sesebuah komuniti untuk terus berdaya saing.



## BIODATA RESPONDEN

**Cikgu Md Illias bin Nyak Saad** merupakan salah seorang pengasas Kampung Aceh Management Centre (KAMC). Beliau merupakan bekas Pegawai di Pejabat Pendidikan Kuala Muda/Yan. Cikgu Md Illias bin Nyak Saad mendapat latihan perguruan di Maktab Perguruan Harian Jalan Hamilton, Pulau Pinang (sekarang dikenali sebagai Maktab Perguruan Sri Pinang). Beliau juga pernah berbakti sebagai guru yang berkemampuan untuk mengajar kebanyakan subjek di sekolah rendah (kecuali Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam). Beliau turut menabur bakti sebagai Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Sungai Limau, Yan dan pernah berkhidmat sebagai Penyelia Sekolah di Pejabat Pendidikan Daerah pada tahun 1998.

Gambar 5.13: Cikgu Illias dalam busana masyarakat Aceh seperti yang pernah dipaparkan di dalam surat khabar dan dipamerkan di KAMC

Kedah Darul Aman yang kaya dengan pelbagai khazanah sejarah perlu diterokai bukan sahaja dari aspek arkeologi tetapi juga sosioekonomi serta lain-lain aspek kehidupan. Merbok dan Gunung Jerai yang merupakan dua kawasan utama yang menyumbang kepada banyak petunjuk kewujudan asal negeri Kedah sudah pastinya turut mempunyai rahsia kehidupan masyarakat yang akan terkubur jika tidak didokumentasikan. Sehubungan itu, kompilasi bab di dalam buku ini merupakan suatu usaha untuk memastikan cara hidup, pembangunan penempatan dan juga nilai-nilai murni masyarakat terdahulu di kedua-dua kawasan tersebut dapat dicatat dan disimpan di persada sejarah. Catatan dan simpanan ini merupakan peninggalan yang tidak ternilai harganya bagi menjamin kesinambungan aspek kehidupan masyarakat di negara ini.

